



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 WP PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000
Faks: 603-8880 8288
Laman Web: www.jpn.gov.my
E-mel: pro@jpn.gov.my



Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (40)
Tarikh : 17 Jun 2016

**Ketua Pengarang,
Sinar Harian**

Telah difakskan pada: **17 JUN 2016**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "RAMADAN
DISAMBUT LEBIH CERIA" BERTARIKH 16 JUN 2016, KHAMIS – M.S: 43**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Encik Ibrahim Mamat berkenaan dua orang cucu beliau yang berusia 3 dan 13 tahun yang tidak mempunyai sijil kelahiran.

3. Ingin dijelaskan, JPN telah sedia maklum mengenai isu ini dan telah pun mengambil tindakan sewajarnya. Ingin dimaklumkan, bagi cucu beliau yang berusia 13 tahun JPN Daerah Tanah Merah telah memberikan satu set borang daftar lewat kelahiran yang perlu dilengkapkan pada 27 Mac 2016 yang lalu namun sehingga ke hari ini tiada tindakan daripada pihak pengadu. Walau bagaimanapun, bagi cucu beliau yang berusia 3 tahun pula permohonan pendaftaran kelahiran tidak dapat diuruskan kerana kelahiran berlaku di Thailand.

4. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama yang serius daripada pengadu untuk menguruskan pendaftaran lewat kelahiran bagi cucu beliau agar permohonan tersebut dapat diproses berdasarkan perundangan yang telah sedia ada.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.: 1. YBr. Tuan KPPN

RAKYAT DI HATI JPN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2005
CERT. NO.: AR 4763